

11 DEC 2002

Jepun-Mahathir/I

JEPUN DAN M'SIA AKAN PERKUKUH PERKONGSIAN EKONOMI

Oleh: Ahmad Fuad Yahya

TOKYO, 11 Dis (Bernama) -- Jepun dijangka membincangkan mengenai cadangan Perjanjian Perkongsian Ekonomi (EPA) apabila Perdana Menteri Junichiro Koizumi bertemu dengan rakan sejawatannya dari Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, tengah hari esok.

Kedua-dua pemimpin itu juga dijangka membincangkan cadangan penubuhan sebuah universiti vokasional dan teknikal di Malaysia, program Dasar Pandang Ke Timur antara kedua-dua negara, keganasan dan isu-isu serantau lain.

Mio Maeda, Timbalan Pengarah Bahagian Asia Tenggara Kedua Biro Hal Ehwal Asia dan Oceania, di Kementerian Luar Jepun berkata Jepun sedia berunding bersama Malaysia dan negara-negara Asean yang lain mengenai EPA yang ia mahu laksanakan.

"Kami memeterai perjanjian ini bersama Singapura pada November, yang termasuk Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dan bidang-bidang lain kerjasama seperti sumber pembangunan manusia," kata beliau kepada Bernama dalam satu temubual di sini.

Dr Mahathir dijadual tiba di sini esok kerana lawatan rasmi dua hari sempena ulang tahun ke 20 pelancaran Dasar Pandang Ke Timur Jepun-Malaysia. Semasa lawatan itu beliau juga dijadual mengadap Maharaja Akihito dan bertemu ahli-ahli perniagaan Jepun dan tokoh-tokoh korporat.

EPA Jepun-Singapura meliputi 17 bidang kerjasama termasuk peliberalan perdagangan, mempermudah pelaburan, standard dan keseragaman, mobiliti buruh serta sains dan teknologi.

Maeda berkata Jepun juga telah mengadakan perbincangan awal mengenai EPA bersama Thailand dan Filipina.

Walaupun China telah bersetuju untuk memeterai satu FTA bersama Asean semasa sidang kemuncak Asean di Phnom Penh baru-baru ini, beliau berkata perjanjian itu terhad kepada perdagangan sahaja dan tidak membabitkan bidang lain.

"Hasrat kita (untuk mengadakan EPA) ialah untuk wujudkan rangkaian yang akan memperkukuhkan hubungan dan perluaskan bidang-bidang kerjasama. Jika kita boleh wujudkan hubungan seperti ini, kita akan lebih bersatu lagi," katanya.

Maeda berkata kemakmuran Jepun bergantung kepada rantau Asean, dan hubungan ekonomi, politik dan sosial dalam hal ini akan banyak membawa manfaat kerana ia akan mewujudkan pasaran yang besar.

"Kita perlu perkukuhkan hubungan kita bersama Asean memandangkan rantau itu adalah lebih dekat daripada segi geografi dan politik."

Maeda berkata, penekanan Jepun bagi hubungan mesra bersama negara-negara Asean adalah juga selaras dengan wawasan mewujudkan Masyarakat Ekonomi Asia Timur

"Terdapat banyak isu mencabar di dunia dan kami mahu menangani isu-isu ini dengan kerjasama negara-negara Asean," katanya.

Isu-isu ini termasuk aktiviti lanun, keganasan dan penyeludupan manusia yang perlu ditangani segera di rantau khususnya selepas insiden letupan bom di Bali pada Oktober lepas.

Mengenai Myanmar, Jepun menaruh harapan bahawa Dr Mahathir akan dapat mengadakan perbincangan bersama kerajaan Myanmar supaya membuka pintunya kepada dunia.

Malaysia, kata beliau berada dalam kedudukan baik untuk berbuat demikian kerana ia mempunyai hubungan baik dengan kerajaan Myanmar.

Mengenai cadangan penubuhan universiti vokasional dan teknikal di Malaysia, Maeda berkata Jepun mahu projek itu berjaya dan menampung diri.

Maeda juga berkata Jepun menghargai keinginan Malaysia untuk belajar daripada pengalamannya di bawah Dasar Pandang Ke Timur sejak 20 tahun lepas.

Jepun juga berharap dapat belajar daripada pengalaman Malaysia, khususnya dalam menjalin dan mengekalkan perpaduan di kalangan masyarakat majmuknya, kata beliau lagi.

-- BERNAMA

AFY AFY AAM PR